

Lebih Selamat • Lebih Mudah • Lebih Pantas • Mesra Pelanggan



PEMBAYARAN TANPA TUNAI untuk Bil Air Pulau Pinang

- Bayar bil air Pulau Pinang anda dengan selamat melalui pembayaran tanpa tunai menggunakan kad kredit, kad debit atau aplikasi mudah alih “QR Pay” di mana-mana kaunter Pusat Khidmat Pelanggan PBAPP.
- Secara alternatif, anda boleh membayar bil air anda dari rumah, melalui aplikasi “myPBA” (dari Apple App Store atau Google Play Store), portal dalam talian “myPBA” atau JomPAY.



Level 32, KOMTAR, Jalan Penang, 10000 George Town,
Pulau Pinang, Malaysia.
Pusat Panggilan 24-Jam : 04 255 8 255
Emel : customer@pba.com.my | www.pba.com.my



**SASARAN PENGGUNAAN DOMESTIK
PER KAPITA 2025 UNTUK PULAU PINANG**



Penggunaan air domestik per kapita Pulau Pinang ialah 261 LKH pada tahun 2024.

PBAPP telah menetapkan sasaran yang munasabah iaitu “250 LKH (liter/kapita/hari) untuk 2025” kerana:

- 261 LKH pada 2024 adalah lebih tinggi berbanding purata nasional iaitu 237 LKH dan lebih tinggi berbanding Singapura yang mencatatkan 141 LKH pada 2023.
- Penggunaan air Pulau Pinang telah meningkat daripada 813 juta liter sehari (JLH) pada 2014 kepada 870 JLH pada 2024.
- Penggunaan domestik menyumbang 54% daripada jumlah penggunaan di Pulau Pinang pada 2024.
- Perubahan iklim telah menyebabkan hujan di kawasan tadahan air empangan menjadi tidak menentu dan tidak konsisten. Disebabkan itu, risiko menghadapi krisis air semasa musim kemarau yang berpanjangan dan fenomena El Niño adalah tinggi.
- Pulau Pinang perlu mempunyai bekalan air yang mencukupi untuk mencapai visi “Penang2030” untuk menjadi “negeri pintar dan hijau berteraskan keluarga inspirasi negara.”



Langkah-langkah Jimat Air

Sila fikirkan tentang penjimatan wang daripada bil air anda. Sebenarnya, mengurangkan penggunaan domestik per kapita anda kepada 250 LKH pada tahun 2025 bukanlah sesuatu yang sukar. Hanya amalkan dan praktikkan langkah penjimatan air berikut yang mudah :

- **Jangan biarkan pili air terbuka.** Buka pili air hanya apabila anda bersedia untuk membilas.
- **Didik anak-anak anda untuk menutup pili air dengan betul.** Mereka boleh membantu anda menjimatkan air.
- **Elak gunakan hos untuk menyiram taman atau tanaman anda.** Sebaliknya, sila gunakan alat penyiram air.
- **Elak gunakan hos untuk menyembur air ketika mencuci kereta atau motosikal anda.** Sila gunakan baldi, span dan/atau kain sahaja.
- **Kurangkan kekerapan membasuh kenderaan anda.** Jika boleh, hanya lap sahaja kotoran.
- **Prihatin dan bertindak apabila berlaku kebocoran paip.** Sila baiki semua paip, pili dan keran yang bocor dengan segera.
- **Elak gunakan hos untuk membersihkan rumah atau halaman rumah anda.** Sila gunakan mop, penyapu, penyodok dan pembersih vakum sahaja.
- **Sila pasang “peranti penjimat air” (WSD) yang akan membantu anda menjimatkan air dengan setiap penggunaan.** WSD termasuklah pemasangan paip dan pancuran mandian, sistem tandas “dwi-simbah” dan mesin basuh.
- **Jangan buang sampah ke dalam tandas.** Sila buang bahan buangan ke dalam tong sampah.

Sila hubungi **PUSAT PANGGILAN 24 JAM PBAPP (04 255 8 255)** untuk melaporkan kebocoran paip di tepi jalan dengan segera.



Pada tahun 2024, kira-kira 1.8 juta penduduk Pulau Pinang menggunakan purata 471 juta liter air sehari.

Jika setiap warga Pulau Pinang mengurangkan penggunaan domestik per kapita daripada 261 LKH pada tahun 2024 kepada 250 LKH pada tahun 2025, Pulau Pinang akan “menjimatkan” kira-kira 19.8 JLH

- 19.8 JLH boleh mengisi 13.2 juta botol air minuman 1.5L (besar) atau 8 kolam renang bersaiz Olimpik setiap hari.
- Dengan menjimatkan 11 LKH setiap hari (menggunakan 4.2% kurang air di rumah), anda akan membantu untuk mengurangkan risiko air Pulau Pinang, memastikan bekalan air yang mencukupi semasa musim kemarau yang berpanjangan dan menyokong realisasi visi “Penang2030”.



Ketika Pulau Pinang mara ke hadapan menuju visi “Penang2030”, ia memerlukan lebih banyak bekalan air untuk menyokong gaya hidup sihat untuk lebih ramai orang dan membina masa depan yang lebih cerah.

Pulau Pinang menggunakan kira-kira 870 JLH air terawat pada tahun 2024. Penggunaan dijangka mencapai 1,103 JLH pada tahun 2030, 1,356 JLH pada tahun 2040 dan 1,568 JLH pada tahun 2050.

Pada tahun 2024, PBAPP menghasilkan purata 1,208 JLH air terawat di Pulau Pinang. Dengan peratusan air tidak berhasil (NRW) sebanyak 28%, penggunaan bil sebenar adalah 870 JLH.

Unjuran ke hadapan dengan peratusan NRW yang konsisten sebanyak 28%:

- Menjelang 2030, PBAPP mesti membekalkan 1,532 JLH untuk memenuhi penggunaan 1,103 JLH.
- Menjelang 2040, PBAPP mesti membekalkan 1,884 JLH untuk memenuhi penggunaan 1,356 JLH.
- Menjelang 2050, PBAPP mesti membekalkan 2,178 JLH untuk memenuhi penggunaan 1,568 JLH.

PBAPP dan Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan 13 projek bekalan air baharu dengan unjuran jumlah pelaburan sebanyak RM6.6 bilion untuk memenuhi permintaan air Pulau Pinang pada masa depan.

Projek-projek ini termasuk:

- 6 projek Pelan Kontingensi Air PBAPP 2030 (WCP 2030) untuk meningkatkan kapasiti rawatan air maksimum sebanyak 478 JLH di Seberang Perai dan mengepam lebih banyak air dari Loji Rawatan Air Sungai Dua ke Pulau Pinang;
- 6 projek Kerajaan Persekutuan untuk mengurangkan risiko air semasa musim kemarau yang berpanjangan; dan
- “Projek Air Perak-Pulau Pinang” yang membolehkan Pulau Pinang membeli kira-kira 250 JLH air terawat dari Perak.

Walaupun PBAPP sedang menguruskan bekalan air untuk masa depan, adalah penting bagi penduduk Pulau Pinang untuk menguruskan permintaan air mereka sendiri.

Infrastruktur bekalan air yang menelan belanja berbilion ringgit akan memberi impak kepada kadar air Pulau Pinang pada masa hadapan yang akan dibayar oleh pengguna air Pulau Pinang.

Sebaliknya, dengan menggunakan air secara bijak, pengguna air Pulau Pinang boleh menjimatkan bayaran bil air mereka dan membantu melambatkan kenaikan kadar air pada masa hadapan.